

12/11/1998

Ahli baru perkukuh semangat komuniti

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penyertaan secara rasmi Peru, Russia dan Vietnam sebagai anggota baru Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) akan menyumbang kepada pengukuhan semangat berk komuniti di rantau ini.

Menurut Perdana Menteri, kehadiran ketiga-tiga anggota baru itu turut menjadikan Sidang Kemuncak Apec 1998 di Kuala Lumpur lebih bermakna.

"Malaysia mengalu-alukan kehadiran tiga ekonomi ini dan saya berkeyakinan penyertaan mereka akan menjadikan semangat berk komuniti Apec semakin kuat," katanya dalam ucapan alu-aluan buku panduan media yang diterbitkan sempena persidangan itu.

Dr Mahathir berkata, sebagai tuan rumah persidangan tahun ini, Malaysia berusaha melaksanakan inisiatif yang diputuskan oleh ketua ekonomi pada sidang kemuncak 1997.

Tegas beliau, sepanjang tahun ditumpukan pada usaha menjadi matlamat meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan di rantau ini masing-masing pada tahun 2010 dan 2020 sebagai satu kenyataan.

"Dalam proses ini, ia menjadikan hubungan anggota Apec lebih erat dalam semangat saling menghormati dan kerjasama," katanya.

Dalam konteks yang sama, Perdana Menteri, berkata rakyat Malaysia berbangga menjadi tuan rumah kepada ketua kerajaan dan delegasi yang menghadiri Mesyuarat Keenam Ketua Ekonomi Apec (AELM) dan Mesyuarat Peringkat Menteri Ke-10 Apec kali ini.

Semua 20 ketua kerajaan/ekonomi negara anggota Apec sudah mengesahkan kehadiran mereka pada mesyuarat AELM selama dua hari pada 17 dan 18 November.

Mesyuarat peringkat menteri pula berlangsung mulai 14 hingga 15 November, menyusuli mesyuarat peringkat pegawai kanan mulai hari ini hingga esok.

Pada 16 November ketua negara akan mengadakan perbincangan dua hala.

Mesyuarat itu akan diadakan di Palace of the Golden Horses di Sungai Besi, Kuala Lumpur, manakala perbincangan istirehat ketua kerajaan diadakan di CyberviewLodge, Cyberjaya pada hari terakhir.

(END)